

MEMPERBAHARUI LESEN SISTEM PEMANTAUAN RANGKAIAN 'NETWORK MONITORING SYSTEM (ORION SOLARWINDS)' BAGI KEGUNAAN DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN DAN SEMBILAN (9) PEJABAT TANAH DAN DAERAH NEGERI SELANGOR.

1. Objektif

Sebutharga ini ialah bertujuan untuk mempelawa penyebutharga yang berkeelayakan untuk memperbaharui lesen perisian sistem pemantauan rangkaian 'Network Monitoring System (Orion SolarWinds)' termasuk lesen modul perisian Orion NetFlow Traffic Analyzer (NTA) dan modul perisian Orion Network Configuration Manager (NCM) serta mengemaskini semua modul yang terlibat bagi kegunaan pemantauan infrastruktur rangkaian Selangor*net dan sembilan (9) pejabat tanah / daerah.

2. Latar Belakang.

Bahagian Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab mengawal selia operasi dan penyelenggaraan bagi infrastruktur rangkaian di semua jabatan dan agensi di bangunan SSAAS serta sembilan (9) pejabat daerah. Infrastruktur ini penting untuk menyokong perkhidmatan capaian rangkaian seperti internet, email, dan sistem aplikasi e-kerajaan kepada semua jabatan/agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Bagi menyokong semua perkhidmatan tersebut, pentadbiran ini menggunakan Sistem Pemantauan Rangkaian – SolarWinds Network Performance Monitor (NPM) bagi memantau atas talian (*online*), peralatan dan medium rangkaian agar ianya sentiasa berada dalam prestasi yang optimum.

Selain itu, antara lain objektif yang ingin dicapai dengan penggunaan sistem pemantauan rangkaian ini ;

- a) Peralatan yang bermasalah dapat dikenalpasti dengan lebih awal berkenaan lokasi dan jenis masalah melalui notis amaran yang akan dikeluarkan daripada sistem tersebut.
- b) Memberi kemudahan kepada bahagian Teknikal dan Sokongan daripada pentadbiran ini untuk operasi pengendalian dan penyelenggaraan selain memudahkan mengenalpasti punca masalah (*root cause analysis*).
- c) Sistem laporan yang komprehensif sangat membantu pihak pengurusan untuk perancangan strategik dan pembangunan keperluan ICT pada masa depan secara keseluruhan.
- d) Membantu meningkatkan prestasi rangkaian melalui pemantauan dan pengoperasian yang berpusat.

3. Spesifikasi Teknikal Projek

Selain memperbaharui lesen bagi Perisian Sistem Pemantauan Rangkaian 'Network Monitoring System (Orion SolarWinds)', projek ini turut melibatkan pembaharuan lesen, naiktaraf dan kemaskini modul prestasi iaitu modul sistem Orion NetFlow Trafik Analyzer

(NTA) dan *Orion Network Configuration Manager (NCM)* yang antaranya dapat memberi kelebihan-kelebihan seperti berikut;

- a) Mengurus serta mengawal secara automatik dan komprehensif semua konfigurasi kritikal peralatan rangkaian termasuk Switches, Firewall, DNS dan lain-lain.
- b) Mengesan sebarang kesilapan atau pelanggaran dasar konfigurasi keatas semua perkakasan dan peralatan rangkaian yang secara langsung akan memberi kesan kepada prestasi rangkaian.
- c) Membantu mengenalpasti dengan lebih tepat bagaimana rangkaian digunakan seterusnya dapat memberi gambaran yang komprehensif dalam mencari punca kesesakan (bottleneck), dan mengelakkan penyalahgunaan capaian internet (bandwidth hog).

4. Skop Projek

- a) Penyebutharga dikehendaki memperbaharui lesen perisian Orion Network Performance Monitor (NPM) SLX unlimited elements-standard polling selama 1 tahun termasuk waranti dan sokongan.
- b) Penyebutharga dikehendaki memperbaharui lesen, mengemaskini, mengkonfigurasi dan menguji modul perisian **Orion NetFlow Traffic Analyzer (NTA)**.
- c) Penyebutharga dikehendaki memperbaharui lesen, mengemaskini, mengkonfigurasi dan menguji modul perisian **Orion Network Configuration Manager (NCM)**.
- d) Penyebutharga dikehendaki memberi sokongan teknikal dan waranti ke atas Perisian Orion Network Performance Monitor (NPM), **Orion NetFlow Traffic Analyzer (NTA) Module** dan **Orion Network Configuration Manager (NCM) Module** dengan penyelenggaraan berkala (preventive maintenance) 2 kali setahun meliputi perisian dan perkakasan yang terlibat. Laporan berkaitan juga perlu disediakan bagi proses-proses tersebut.
- e) Penyebutharga dikehendaki menyediakan satu *network diagram* pemantauan rangkaian di dalam **Orion Network Atlas** mengikut 'amalan terbaik' (best practice) yang dapat dipantau oleh pihak pentadbiran mengikut keperluan unit rangkaian dan keselamatan.
- f) Penyebutharga dikehendaki mengkonfigurasi semula **Alert Manager** dan **Orion Report Scheduler** agar dapat mengeluarkan laporan secara berkala mengikut keperluan pentadbiran.
- g) Penyebutharga dikehendaki memastikan semua peralatan rangkaian dan server yang diperlukan dapat diakses melalui servis **SNMP** dan **NetFlow** untuk dimasukkan ke dalam sistem pemantauan rangkaian Orion SolarWinds dan seterusnya dapat dipantau oleh pihak pentadbiran.
- h) Penyebutharga dikehendaki bekerjasama dengan pembekal-pembekal lain yang terlibat di dalam keperluan untuk mendapatkan akses untuk servis SNMP dan NetFlow tersebut.
- i) Penyebutharga dikehendaki mematuhi segala keperluan yang diperlukan bagi memenuhi kriteria pensijilan ISO/IEC 27000:Information Security Management System (ISMS) seperti yang telah digunapakai oleh pentadbiran ini.
- j) Penyebutharga dikehendaki membuat satu sesi latihan untuk pentadbir rangkaian berkenaan pengurusan, pentadbiran dan operasi sistem tersebut.

- k) Penyebutharga dikehendaki untuk membuat Final User Acceptance Test dan pengujian lain yang berkaitan.
- l) Penyebutharga dikehendaki menyediakan laporan dan dokumentasi lengkap berkenaan penggunaan sistem tersebut.
- m) Penyebutharga dikehendaki mencadangkan dan mengimplentasi rekabentuk pemantauan rangkaian yang sesuai dan terkini untuk di jadikan sebagai antara muka pada peta pemantauan rangkaian.
- n) Penyebutharga hendaklah menyiapkan semua kerja-kerja sebagaimana dinyatakan dalam para skop kerja dalam **tempoh yang ditetapkan** dari tarikh surat setuju terima tawaran sebut harga ini. (Sila rujuk lampiran Jadual Pelaksanaan yang disertakan).
- o) Penyebutharga hendaklah menyertakan carta perbatuan mengenai pelaksanaan kerja-kerja ini dari tarikh Surat Setuju Terima sehingga semua aktiviti selesai dan memastikan semua modul sistem berfungsi dengan baik dan berprestasi tinggi.
- p) Petender perlu mencadangkan reka bentuk rangkaian yang sesuai dan boleh dilaksanakan untuk Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- q) Petender perlu mencadangkan reka bentuk rangkaian yang sesuai dan boleh dilaksanakan untuk 9 Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor
- r) Petender perlu melakukan customize ke atas paparan digram rangkaian untuk sistem administrator bagi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan 9 Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor
- s) Penyelesaian cadangan untuk mengeluarkan repot secara automatik berdasarkan repot harian/mingguan/bulanan/tahunan/customize. Repot yang dikeluarkan mestilah mengikut keperluan dan kehendak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.